

Peranan Institusi Keluarga Sebagai Agen Sosialisasi Pendidikan Islam dalam Keluarga Kontemporer

[The Role of The Family Institution As An Agent of Islamic Education Socialization in Contemporary Families]

Nur Azwani Mansor @ Noordin¹ & Yessy Septrimadona²

¹ Research Management Centre, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Kota Bharu, Malaysia, azwani79@ yahoo.com

² Stai Sulthan Syarif Hasyim Siak Sri Indrapura Riau, yessyseptrimadona@gmail.com

ABSTRACT

This article discusses the concept of family education and socialization from an Islamic perspective, emphasizing the role of the family institution as the primary agent of socialization in shaping children's personalities and identities. In Islam, the educational process begins even before birth, with the selection of a life partner, and continues throughout childhood and adolescence. This study adopts a qualitative method using content analysis. The primary sources include Qur'anic verses, hadiths, scholarly literature, and relevant contemporary sociological theories. This approach enables the author to explore the compatibility between Islamic principles and sociological perspectives in the context of family education. The author also compares the Islamic approach with modern sociological theories, which focus on social and psychological mechanisms. While both acknowledge the importance of the family, Islam adds another dimension through the values of faith, belief, and morality. The discussion further highlights contemporary challenges faced by the family institution, including media influence, shifts in social structures, economic pressures, and a lack of community support. In conclusion, the effectiveness of Islamic educational socialization within the family requires active collaboration among parents, society, and religious institutions to nurture a generation that is intellectually, spiritually, and morally balanced. A holistic approach grounded in Islamic values must be prioritized to raise children who succeed not only in this world but also in the hereafter.

Keywords: Socialization, Islamic education, family institution, moral values, character development, family challenges

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan konsep sosialisasi pendidikan kekeluargaan menurut perspektif Islam dengan memberi penekanan terhadap peranan institusi keluarga sebagai agen sosialisasi utama dalam pembentukan keperibadian dan identiti anak-anak. Dalam Islam, proses pendidikan bermula seawal sebelum kelahiran melalui pemilihan pasangan hidup dan diteruskan sepanjang perkembangan kanak-kanak dan remaja secara berperingkat. Kajian ini dilaksanakan melalui kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan. Sumber utama kajian ini meliputi ayat-ayat al-Quran, hadis, literatur ilmiah serta teori-teori sosiologi kontemporer yang relevan. Pendekatan ini membolehkan penulis meneliti integrasi antara prinsip Islam dan pandangan sosiologi dalam konteks pendidikan kekeluargaan. Penulis turut membandingkan pendekatan Islam dengan teori-teori sosiologi moden yang masing-masing memberi tumpuan kepada mekanisme sosial dan psikologi. Walaupun keduanya mengiktiraf pentingnya keluarga, Islam memberikan dimensi tambahan melalui nilai keimanan, akidah dan akhlak. Perbincangan turut menyetengahkan pelbagai cabaran kontemporer yang dihadapi institusi keluarga termasuk pengaruh media, perubahan struktur sosial, tekanan ekonomi dan kekurangan sokongan komuniti. Kesimpulannya, keberkesanan sosialisasi pendidikan

Islam dalam keluarga memerlukan kerjasama aktif antara ibu bapa, masyarakat dan institusi agama bagi melahirkan generasi seimbang dari segi intelek, rohani dan akhlak. Pendekatan holistik dan berteraskan nilai Islam perlu diutamakan dalam membentuk anak-anak yang bukan sahaja cemerlang di dunia tetapi juga di akhirat.

Kata kunci: Sosialisasi, pendidikan Islam, institusi keluarga, nilai akhlak, pembangunan sahsiah, cabaran kekeluargaan

How to Cite:

Received : 11-03-2026

Accepted : 04-05-2026

Published : 31-05-2026

Mansor @ Noordin, N. A. (2026). Peranan Institusi Keluarga Sebagai Agen Sosialisasi Pendidikan Islam Dalam Keluarga Kontemporari. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 7(1), 1–14

1. Pendahuluan

Sosialisasi adalah suatu proses dan konsep yang sangat luas dan kompleks. Ia merangkumi pengasuhan, pendidikan, pembelajaran, pemindahan nilai, norma dan budaya, latihan, peraturan, tingkah laku, dan pembentukan identiti. Biasanya berlaku dalam keadaan tidak formal, spontan dan secara tidak langsung. Proses ini melibatkan beberapa agen penting seperti keluarga, pendidikan, media dan masyarakat. Namun, keluarga adalah agen yang paling penting dan unsur paling utama dalam pembentukan keperibadian kerana tempat pertama bagi kanak-kanak selepas dilahirkan.

Malah keluarga diposisikan sebagai institusi pendidikan pertama dan terpenting dalam Islam. Keluarga bertindak sebagai institusi pendidikan sosial pertama dan utama bagi individu. Dalam Islam, keluarga dianggap sebagai madrasah pertama di mana kasih sayang, disiplin dan nilai keimanan tertanam dalam diri anak. Kajian terkini menekankan bahawa institusi kekeluargaan kini berhadapan dengan cabaran globalisasi dan pengaruh media digital yang bertindak sebagai saluran sosialisasi alternatif yang mampu mengubah tingkah laku remaja (Zaimah et al., 2021). Sehubungan itu, pendidikan Islam dalam keluarga tidak seharusnya sekadar pemindahan pengetahuan, malah perlu membimbing potensi rohani dan sosial anak-anak secara holistik berdasarkan acuan al-Quran dan sunah (Lubis & Ritonga, 2023).

Parsons (1955) menjelaskan bahawa dalam kerangka fungsional, keluarga melaksanakan fungsi sosialisasi primer dan memberikan kestabilan emosi kepada anak-anak. Misalnya, bapa berperanan sebagai pelindung dan pencari rezeki halal bagi keluarga, memastikan keperluan asas seperti makanan dan tempat tinggal dipenuhi. Ibu pula berperanan sebagai pendidik pertama anak di rumah, mengasuh dengan kasih sayang dan menjaga keharmonian rumahtangga agar nilai tanggungjawab dan rasa hormat dipupuk sejak kecil. Keluarga juga merupakan sumber pengaruh emosi yang terkuat; sebagai contoh, Rustina (2014) menegaskan hubungan antara ahli keluarga disuburkan oleh kasih sayang dan rasa tanggungjawab.

2. Latar Belakang Kajian

Sosialisasi kekeluargaan merujuk kepada proses awal pembentukan sahsiah dan pemupukan nilai-nilai sosial dalam diri individu yang berlaku melalui interaksi dengan ahli keluarga. Keluarga berfungsi sebagai agen sosialisasi utama yang pertama kali memperkenalkan norma, budaya, peranan sosial, dan tingkah laku yang diterima oleh masyarakat. Melalui hubungan harian antara ibu bapa, adik-beradik, dan ahli keluarga lain, individu mula memahami konsep seperti disiplin, tanggungjawab, hormat dan kasih sayang. Proses ini memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti dan personaliti seseorang, khususnya semasa fasa awal

kehidupan kanak-kanak. Menurut Zulkifli dan Ismail (2019), keluarga bukan sahaja berperanan dalam perkembangan emosi dan tingkah laku anak-anak, tetapi juga bertindak sebagai asas utama dalam penyesuaian sosial mereka dalam masyarakat yang lebih luas.

Dari perspektif Islam, kisah-kisah dari al-Quran seperti anak Maryam dan nasihat Luqman AS menunjukkan betapa pentingnya bimbingan moral dan spiritual dalam keluarga. Secara keseluruhannya, institusi keluarga bertanggungjawab menyediakan persekitaran awal untuk perkembangan personaliti, menjaga akidah dan akhlak anak agar fitrahnya selamat dan tidak cenderung kepada sifat buruk. Peranan keluarga meliputi pendidikan akademik, pengajaran agama, pembentukan akhlak, penyediaan kasih sayang serta penjagaan keperluan fizikal dan rohani, yang kesemuanya saling berkaitan dalam proses sosialisasi.

Selain daripada kisah Luqman al-Hakim, al-Quran turut merakamkan pelbagai model sosialisasi pendidikan melalui interaksi antara para nabi dengan anak-anak mereka, yang menekankan kelestarian akidah dan nilai murni. Sebagai contoh, Nabi Ibrahim AS menunjukkan gaya bimbingan yang inklusif dan berasaskan komunikasi dua hala apabila membincangkan perintah Allah SWT bersama anaknya, Nabi Ismail AS. Pendekatan ini membuktikan bahawa sosialisasi dalam keluarga Islam bukan bersifat autoritarian semata-mata, sebaliknya melibatkan penyertaan aktif anak dalam memahami tanggungjawab keagamaan (Nur & Shofwan, 2022). Manakala kisah Nabi Yaakub AS pula menggambarkan kerisauan seorang bapa terhadap pegangan agama zuriatnya sebelum beliau wafat. Pesanan beliau kepada anak-anaknya agar tetap menyembah tuhan yang Esa menunjukkan bahawa fungsi utama ketua keluarga adalah sebagai penjaga akidah yang memastikan kesinambungan iman merentasi generasi (Lubis & Ritonga, 2023).

Keperihatinan para nabi ini selari dengan konsep fitrah, di mana ibu bapa bertanggungjawab mencorak identiti anak agar kekal atas jalan kebenaran (Zulkifli & Ismail, 2019). Interaksi yang terakam dalam al-Quran ini membuktikan bahawa sosialisasi pendidikan kekeluargaan Islam bersifat merentas zaman, di mana bimbingan spiritual dipadukan dengan kasih sayang untuk membentuk peribadi yang teguh. Melalui model keteladan atau *qudwah hasanah* yang ditunjukkan oleh para nabi, proses pemindahan nilai menjadi lebih berkesan kerana ia didasari oleh kepercayaan dan rasa hormat yang mendalam antara ahli keluarga (Zaimah et al., 2021). Secara keseluruhannya, naratif al-Quran ini memperkukuhkan hujah bahawa institusi keluarga adalah asas paling fundamental dalam sistem pendidikan sosial Islam.

3. Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang digunakan adalah kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan. Sumber utama yang dirujuk dalam kajian ini merangkumi ayat-ayat al-Quran, hadis, literatur ilmiah, dan teori-teori sosiologi kontemporari yang relevan. Secara khusus, analisis data dalam kajian ini memberikan tumpuan utama kepada Surah Luqman (ayat 12-19) bagi meneliti elemen-elemen sosialisasi pendidikan Islam yang merangkumi aspek akidah, ibadah, akhlak, dan dakwah (Muhammad bin Ali, 1993). Analisis terhadap surah ini membolehkan penyelidik mengekstrak strategi komunikasi berkesan dan kaedah bimbingan ibu bapa yang dipraktikkan oleh Luqman al-Hakim sebagai model utama dalam pendidikan kekeluargaan Islam (Safinah Ismail, 2018).

Selain itu, hadis-hadis daripada koleksi Sahih Bukhari dan Muslim turut dianalisis bagi memperkukuhkan hujah mengenai peranan ibu bapa dalam mencorak fitrah anak-anak (Shoti, 2021). Pendekatan ini membolehkan penulis mengkaji integrasi antara prinsip-prinsip Islam yang bersumberkan wahyu dengan perspektif sosiologi dalam konteks pendidikan kekeluargaan (Nur & Shofwan, 2022). Data yang diperoleh melalui analisis teks ini kemudiannya dibandingkan dengan teori sosiologi moden seperti teori pembelajaran sosial

Albert Bandura dan fungsi struktural Talcott Parsons bagi mengenal pasti titik persamaan dan perbezaan dalam mekanisme sosialisasi (Wahyuni & Fitriani, 2022).

4. Sorotan Literatur

4.1 Perbandingan Sosialisasi Kekeluargaan Islam Dan Barat

Pelbagai kajian dari ilmuwan Islam dan Barat menekankan kepentingan fasa awal kanak-kanak. Antaranya Ramayulis (2002) dan Syeikh Khalid (2014) menggariskan bahawa perkembangan dari lahir hingga usia 7 tahun adalah asas bagi pertumbuhan fizikal, intelektual, moral dan sosial yang pesat, manakala fasa kanak-kanak lanjutan (7 hingga 12 tahun) adalah ketika pemahaman agama mula terbentuk dalam fikiran anak. Kajian Shoti (2021) menekankan bahawa pendidikan Islam telah menetapkan panduan pemilihan pasangan berakhlak mulia, pemakanan halal dan ibadah berterusan sebagai persediaan awal bagi melahirkan anak soleh. Selari dengan literatur sosiologi yang menggambarkan bahawa keluarga adalah unit sosial pertama yang paling intim, diikat oleh ikatan emosi, seks dan tanggungjawab bersama antara ahli. Menurut Rustina (2014) juga, keluarga adalah kelompok sosial pertama dalam kehidupan, di mana individu belajar bekerjasama dan membantu orang lain, serta mengalami pembentukan tingkah laku sosial yang menentukan tindak-tanduk dalam masyarakat.

Dari perspektif teori moden, Albert Bandura (1977) menekankan bahawa pembelajaran sosial terasnya bergantung kepada proses pengamatan dan pemerhatian (*observational learning*) serta peniruan atau modeling. Wahyuni dan Fitriani (2022) mendapati teori ini relevan dengan pendidikan keluarga dalam Islam, khususnya melalui kaedah keteladanan dan pembiasaan yang ditunjukkan oleh ibu bapa. Lawrence Kohlberg (1984) pula memperkenalkan teori perkembangan moral, iaitu kanak-kanak melalui enam tahap perkembangan moral (tiga peringkat) dalam fasa kehidupan mereka seiring dengan kematangan kognitif mereka. Kajian Dwiyanti (2013) membuktikan bahawa di peringkat pra-konvensional (Tahap I dan II), ibu bapa memegang peranan besar dalam membentuk moral anak melalui kata-kata, sikap dan perbuatan mereka. Sebagai contoh, apabila ibu bapa menunjukkan penghargaan terhadap tingkah laku berdisiplin, anak turut menginternalisasikan standard tersebut.

Talcott Parsons (1955) pula memandang keluarga dari sudut fungsi struktural-fungsional. Beliau menegaskan dua fungsi utama keluarga adalah sebagai tempat sosialisasi primer untuk anak-anak dan sebagai penyedia kestabilan emosi dan peranan kepada remaja dan dewasa. Kedua-dua fungsi ini menekankan bagaimana keluarga membentuk struktur personaliti dan identiti anak melalui kasih sayang serta sokongan emosi. Selain itu, teori peranan dan struktur sosial menggariskan bahawa ahli keluarga mengambil peranan berbeza seperti pencari nafkah, pengasuh dan pendidik, yang secara kolektif menyokong perkembangan anak (Macionis, 2012; Maccoby & Martin, 1993). Kesemua teori ini menjelaskan aspek-aspek pembelajaran, moral dan peranan keluarga dalam proses sosialisasi, dan seterusnya membentuk kerangka analisis sosialisasi pendidikan kekeluargaan.

Manakala menurut perspektif Islam, pendidikan keluarga dilihat sebagai tugas keagamaan secara menyeluruh dan tujuannya bukan sekadar pembangunan intelektual, tetapi juga pembentukan akhlak mulia bagi bekalan akhirat. Islam menekankan fitrah (bakat semulajadi untuk kebaikan) anak, dengan ibu bapa berperanan memperkukuh nilai tauhid dan akhlak sejak awal. Lubis dan Ritonga (2023) menyatakan pendidikan Islam bukan sekadar mengajar pengetahuan, malah membimbing potensi insan secara rohani dan sosial berdasarkan nilai al-Quran dan Sunnah. Sebagai contoh, ibadah-ibadah harian dan kisah-kisah teladan nabi dijadikan medium pendidikan dalam keluarga. Sebaliknya, sosiologi moden

melihat pendidikan keluarga sebagai proses pembelajaran sosial yang bersifat sekular. Ahli sosiologi seperti Rustina (2014) dan Parsons menumpukan pada fungsi sosialisasi norma dan peranan, tanpa memasukkan dimensi keagamaan secara spesifik.

Perbandingan antara perspektif Islam dan Barat dalam sosialisasi kekeluargaan menunjukkan titik persamaan dalam pengiktirafan keluarga sebagai agen utama, namun terdapat perbezaan ketara dari segi dimensi nilai dan matlamat akhir.

- 1) Dimensi Epistemologi dan Matlamat Akhir: Sosiologi moden melalui pandangan Talcott Parsons (1955) melihat sosialisasi sebagai mekanisme untuk mencapai kestabilan emosi dan integrasi individu ke dalam struktur sosial masyarakat. Sebaliknya, Lubis dan Ritonga (2023) menegaskan bahawa sosialisasi dalam Islam adalah satu proses holistik yang bukan sekadar pemindahan pengetahuan, tetapi bimbingan potensi rohani dan sosial yang berteraskan acuan al-Quran dan sunah demi kebahagiaan dunia dan akhirat.
- 2) Mekanisme Pembelajaran dan Keteladanan: Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura (1977) menekankan proses pengamatan dan peniruan (*modeling*) sebagai teras pembentukan tingkah laku. Wahyuni dan Fitriani (2022) berpendapat teori ini selari dengan kaedah *qudwah hasanah* (keteladanan) dalam Islam, di mana ibu bapa berperanan sebagai model hidup yang menginternalisasikan standard moral melalui perbuatan seharian.
- 3) Perkembangan Moral dan Fitrah: Lawrence Kohlberg (1984) mengutarakan bahawa perkembangan moral kanak-kanak berlaku secara berperingkat seiring dengan kematangan kognitif. Walau bagaimanapun, perspektif Islam meluaskan konsep ini melalui dimensi fitrah, di mana Shoti (2021) menjelaskan bahawa ibu bapa bertanggungjawab menjaga kesucian tauhid anak-anak melalui persediaan awal sejak sebelum kelahiran hingga fasa dewasa bagi memastikan mereka tidak cenderung kepada sifat buruk.
- 4) Fungsi Struktur vs. Fungsi Keagamaan: Macionis (2012) menyatakan bahawa teori peranan memandang ahli keluarga sebagai pemegang peranan sosial seperti pengasuh dan pendidik dalam menyokong perkembangan anak. Namun, Islam meletakkan peranan ini sebagai amanah keagamaan yang mutlak, di mana kegagalan fungsi ini dianggap sebagai pengabaian terhadap perintah Allah SWT untuk memelihara keluarga daripada api neraka (Surah at-Tahrim: 6).

Berdasarkan perbincangan diatas, dapat dirumuskan bahawa keluarga dilihat sebagai unit pemindah budaya iaitu anak belajar nilai melalui interaksi harian dan peniruan, selaras dengan pendekatan empiris dan psikologi perkembangan. Sebagaimana dalam teori pembelajaran sosial Bandura yang menekankan pemodelan kelakuan oleh ibu bapa, manakala teori peranan Parsons menyorot kestabilan emosi dan struktur sosial yang disediakan keluarga. Perbandingan ini menunjukkan persamaan dalam pengiktirafan keluarga sebagai agen sosialisasi utama. Walaubagaimanapun Islam menggariskan tambahan aspek keagamaan dan etika Ilahi, sementara sosiologi kontemporari lebih berfokus pada mekanisme psikologi, struktur peranan dan faktor kebudayaan dalam masyarakat umum.

5. Dapatan Dan Perbincangan

5.1 Sosialisasi Pendidikan Islam Dalam Institusi Keluarga

Sosialisasi pendidikan kekeluargaan merujuk kepada proses pemindahan nilai, norma, dan pengetahuan dalam lingkungan keluarga serta pembentukan identiti anak melalui pendidikan tidak formal dan keagamaan. Sosialisasi pendidikan kekeluargaan adalah merangkumi

sosialisasi pendidikan Islam dalam keluarga yang menekankan pembentukan generasi cemerlang di dunia dan akhirat. Islam menetapkan program khas sepanjang perkembangan kanak-kanak di bawah tanggungjawab keluarga, menjadikan institusi keluarga sebagai “tajuk utama” dalam pendidikan seorang individu (Shoti, 2021). Selari dengan pandangan Azyumardi Azra (1999, hlm.1) tentang pendidikan Islam dalam keluarga:

“Proses penyiapan generasi muda untuk mengisi peranan, memindahkan pengetahuan dan nilai-nilai Islam yang diselaraskan dengan fungsi manusia untuk beramal di dunia dan memetik hasilnya di akhirat”.

Persiapan sosialisasi pendidikan Islam itu sudah bermula dari pemilihan pasangan hidup. Islam menyarankan pemilihan calon pasangan dengan mengutamakan agama dan berakhlak mulia bagi menjaga keturunan sebagaimana perintah Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 221. Pendidikan anak sudah bermula sejak dalam janin ibu lagi, fasanya bermula dari proses kehamilan sehinggalah kelahiran. Dalam tempoh fasa ini, ibu perlu menjaga kandungannya dan juga tingkah lakunya dengan tidak melakukan dosa atau maksiat dan beramal soleh untuk mendidik bayi dalam kandungannya. Mendidik anak sejak dari dalam kandungan lagi dapat menghindarkan anak dari memiliki sifat-sifat keji seperti keras hati, angkuh, mementingkan diri sendiri, taksab dan cenderung melakukan dosa (Saedah Siraj, 2007).

Selari dengan pendapat Atiqah Azizah (2018), yang menyatakan persiapan dan persediaan proses sosialisasi setiap individu berlaku dalam dua peringkat iaitu peringkat prenatal dan pascanatal. Pada peringkat pertama iaitu prenatal dibahagikan kepada dua masa iaitu pra konsepsi yang bermula dari waktu pemilihan pasangan lagi, untuk menjaga keturunan dan menjadi keperluan utama dalam merancang pendidikan dan pengasuhan anak-anak. Masa kedua ialah konsepsi iaitu proses pendidikan bermula secara tidak langsung semasa proses kehamilan yang perlu dititikberatkan untuk pembentukan keperibadian manusia.

Seterusnya peringkat pascanatal iaitu calon ayah dan ibu memperbanyakkan ibadah serta menjaga anak dalam kandungan supaya menjadi anak yang soleh sepertimana dalam surah al-Imran ayat 35. Wajib bagi ketua keluarga mencari rezeki dan juga makanan halal untuk keluarga sebagaimana perintah Allah S.W.T dalam surah an-Nahl ayat 114. Ringkasan isi kandungan ayat-ayat al-Quran dan hadis yang telah dibincangkan adalah adalah seperti berikut:

Jadual 4.11: Ringkasan isi al-Quran dan hadis tentang persiapan pendidikan

Bil	Surah dan Ayat	Isi Kandungan
1	<i>Al-Baqarah:221</i>	Kaum muslimin tidak boleh berkahwin dengan wanita kafir sebelum mereka beriman begitu juga sebaliknya.
2	<i>Al-Imran:35</i>	Ibunya Maryam bernazar menjadikan anak dalam kandungannya mengabdikan diri kepada Allah dan menjadi hamba yang soleh.
3	<i>An-Nahl:114</i>	Perintah Allah kepada orang-orang beriman supaya makan makanan dari sumber yang halal lagi baik.
4	<i>Sahih Bukhari dan Muslim</i>	Wanita dinikahi kerana empat ciri iaitu hartanya, keturunan baik, rupa paras cantik dan agamanya. Maka beruntung dan berbahialah jika memilih wanita kerana agamanya.

Fasa perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak di luar rahim ibu bermula sejak awal kelahiran hinggalah usia tujuh tahun. Sosialisasi bermula sejak peringkat bayi lagi dari orang yang paling rapat dengannya seperti ibu bapa, ahli keluarga lain dan orang sekelilingnya. Fasa ini sangat penting kerana pertumbuhan fizikal, intelektual, keperibadian, moral dan sosial berkembang dengan pesatnya serta dianggap sebagai dasar bagi pertumbuhan seterusnya. Pada tahap ini, anak-anak bersifat meniru keadaan sekelilingnya dan banyak bermain serta berkhayal kerana mereka merekodkan pengalaman dan aktiviti yang dilalui di persekitarannya. Fasa ini tidak boleh dipandang remeh atau diabaikan kerana rangkuman

perkembangannya yang luas. Jika pertumbuhan pada fasa ini berlaku dengan baik, maka perkembangannya akan jadi baik dan begitu juga sebaliknya (Ramayulis, 2002 & Syeikh Khalid, 2014).

Fasa kedua ialah fasa lanjutan kanak-kanak yang bermula sejak usia 7 hingga 12 tahun. Pada fasa ini, pertumbuhan fizikal sangat aktif, banyak bertanya dan bercakap untuk memenuhi keperluan intelek dan emosi terhadap perkara-perkara baru yang diterokai. Kanak-kanak mula mengenal Tuhan melalui perkataan secara tidak langsung dan seterusnya direkodkan dalam pemikiran. Tanpa disedari ia diserap dalam pembentukan keperibadian lalu agama menjadi objek utama. Maka ibu bapa menjadi ikutan dan teladan sama ada baik atau buruk. Anak-anak perlu diterapkan nilai-nilai akidah yang benar, pemahaman agama, akhlak yang baik serta etika pergaulan yang mulia dari kedua ibu bapanya agar fitrah anak terjaga dan tidak cenderung kepada sifat buruk. Dalam hal ini, penyertaan keluarga sangat penting dalam membina keperibadian kerana tanpa keluarga anak-anak akan kehilangan nilai-nilai kekeluargaan (Ramayulis, 2002 & Syeikh Khalid bin Abdul Rahman Al-'Ik, 2014).

Fasa ketiga ialah fasa remaja yang bermula pada umur 12 hingga 18 tahun yang mana pertumbuhan fizikal menjadi hampir sempurna dan mencapai kematangan seksual. Ciri-ciri lelaki dan perempuan menjadi bertambah matang dalam fasa ini. Maka, ibu bapa perlulah memberi perhatian terhadap perbezaan jantina dan mendidik anak-anak lelaki dan perempuan mengikut fitrah dan potensi masing-masing. Remaja mampu memahami dan menilai norma yang berlaku dalam kehidupannya. Pada tahap ini remaja mampu memahami dan menilai norma yang berlaku dalam kehidupannya. Peringkat ini adalah masa yang genting dan perlu dibantu dalam membina sikap tanggungjawab dan memahami nilai-nilai agama Islam. Banyak pengalaman dan pengetahuan yang sudah dikutip pada tahap umur ini dan dapat dipraktikkan untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam kehidupan sehingga akhir dewasa (Ramayulis, 2002 & Syeikh Khalid bin Abdul Rahman Al-'Ik, 2014).

Sehubungan dengan itu, proses sosialisasi kanak-kanak adalah masa yang sangat genting kepada ibu bapa kerana dalam tempoh ini proses yang berlaku memberi kesan kepada kehidupan kanak-kanak di masa hadapan. Justeru itu penerapan nilai-nilai Islam yang mengandungi nilai moral dan etika perlu ditekankan bagi memenuhi nilai sejagat. Tiga aspek utama dalam kehidupan seharian ialah pertama, akidah iaitu beriman kepada Allah, kedua ialah ibadah khusus iaitu kepatuhan kepada hukum seperti rukun iman dan Islam dan seterusnya ibadah umum iaitu segala perilaku yang berkaitan dengan kehidupan seharian dalam keluarga, masyarakat serta berbakti kepada bangsa dan negara. Ketiga ialah memiliki akhlak mulia apabila dua aspek diatas telah ditanam dalam diri bagi menjamin kesejahteraan hidup dunia dan akhirat (Rezki Perdani Sawai et al., 2009). Bagi mencapai nilai-nilai Islam dan aspek-aspek utama tersebut, maka sosialisasi menjadi suatu proses yang perlu ditekankan dalam setiap keluarga. Ia penting bagi membentuk identiti dalam sesebuah masyarakat kerana berlakunya pemindahan informasi, budaya atau peraturan bagi setiap individu untuk dipatuhi dan diamalkan.

Anak-anak tidak dapat mencapai aspek sendiri, menilai baik buruk pandangan, perbuatan, dan kehendak mereka tanpa nasihat dan bimbingan ibu bapa. Kesedaran aspek sendiri dapat dicapai sejak kecil sekiranya mendapat bimbingan yang betul dan seterusnya mampu mengembangkan potensi diri, membuat penilaian tepat dan mempunyai kebolehan emosi diri dan membangunkan nilai positif dalam diri. Di samping itu, dapat meningkatkan keyakinan diri, kefahaman terhadap Penciptanya, persekitarannya dan dirinya sendiri untuk membentuk tingkah laku yang baik. (Musliha Salma, Rohana & Amimudin, 2011).

Oleh hal yang demikian, ibu bapa adalah orang yang berperanan dalam memberikan keperluan rohani kepada anak-anak. Ini bertepatan dengan kedudukan keluarga sebagai institusi pendidikan pertama yang memberi pendidikan agama, iman dan akhlak. Amanah dan tanggungjawab ini seharusnya diberikan kepada anak-anak tanpa syarat (Azizi, 2017). Imam

al-Ghazali menegaskan bahawa pentingnya penyatuan ilmu, amal, rohani dan jasmani dalam pendidikan demi mencapai kebahagiaan yang sebenar. Kebahagiaan dalam sesebuah keluarga boleh dicapai dengan adanya pemimpin keluarga yang mampu berperanan dan bertanggungjawab (Ja'afar Al-Yasin, 1983). Maka sosialisasi keagamaan seharusnya diberi perhatian dan menjadi unsur terpenting dalam mendidik anak.

6. Sosialisasi Pendidikan Islam Dalam Keluarga Menurut Al-Quran Dan Hadis

Sosialisasi keagamaan dalam keluarga telah disyariatkan oleh Allah dalam al-Quran dan diinterpretasikan melalui hadis Rasulullah S.A.W. Walaupun al-Quran dan hadis tidak menyebut tentang sosialisasi secara langsung, namun terdapat ayat-ayat al-Quran dan hadis yang menekankan kepentingan sosialisasi pendidikan Islam oleh ibu bapa dalam keluarga, antaranya ialah:

Jadual 4.12: Kepentingan sosialisasi pendidikan Islam

Bil	Surah/Kitab Hadis	Terjemahan/Isi Kandungan
1	<i>At-Tahrim:6</i>	Orang-orang beriman seharusnya memelihara diri dan keluarga dari api neraka dengan mengerjakan perintah Allah
2	<i>Al-Kahfi:46</i>	Amalan anak-anak yang soleh adalah lebih baik pahalanya dan menjadi harapan keluarga.
3	<i>Al-Furqan:74-75</i>	Manusia yang memohon agar Tuhan kurniakan isteri-isteri dan anak-anak sebagai penyenang hati kerana kebaikan yang mereka lakukan.
4	Sahih Bukhari dan Muslim (1385 dan 2658)	<i>“Semua anak dilahirkan membawa fitrah, maka terserah kepada kedua orang tuanya untuk menjadikannya beragama Yahudi atau Nasrani atau Majusi.”</i>
5	Al-Bayhaqi dalam Shu'ab al-Iman (8299): Diriwayatkan daripada Ibn Abbas RA. Dikategorikan hadis <i>dhaif</i>	<i>“Kewajipan orang tua kepada anaknya ialah memberi nama yang baik, mendidik sopan santun dan mengajar menulis, berenang, memanah, memberi makan dengan makanan yang baik serta mengahwinkannya apabila dia telah mencapai dewasa.”</i>
6	Sunan Abu Dawud (495)	<i>“Suruhlah anak-anakmu solat ketika berusia tujuh tahun dan pukullah mereka jika tidak mahu solat ketika berusia sepuluh tahun, dan pisahkanlah tempat tidur mereka.”</i>

Terdapat satu surah dalam al-Quran yang menceritakan tentang kegigihan seorang hamba Allah yang soleh bernama Luqman bin Ba'uran bin Nahur bin Tarakh yang melakukan sosialisasi pendidikan Islam kepada ahli keluarganya untuk menuju kebenaran dengan menerapkan nilai dan akhlak mulia supaya kehidupan diredai Allah. Kisahnya bermula dari ayat 12 hingga 19 dari 34 ayat dan dinamakan surah Luqman bersempena namanya. Elemen utama tentang konsep sosialisasi pendidikan Islam dalam surah Luqman meliputi akidah, ibadah, akhlak dan dakwah yang merupakan asas utama dalam membentuk sifat dan perilaku anak (Muhammad bin Ali, 1993).

Jadual 4.13: Konsep sosialisasi pendidikan Islam menurut Luqman

Bil	Nombor Ayat	Isi Kandungan
1	Ayat 12	Luqman mengajak anaknya berfikir tentang nikmat yang diberikan Allah dan menzahirkan rasa bersyukur ke atas segala nikmat tersebut. Sifat syukur dapat dizahirkan dengan mentaati Allah dan dapat menambahkan keperibadian mulia dalam membentuk sifat anak.
2	Ayat 13	Luqman menasihati anak-anaknya menekankan hubungan dengan Allah iaitu tidak menyekutukan Allah, menjauhi perbuatan syirik dan berbuat baik kepada kedua ibu bapa selagi mereka tidak menyeleweng dengan syariat Islam. Sentiasa berhati-hati dengan perbuatan dan tingkah laku sama ada nyata atau tersembunyi, menunaikan solat, membuat kebaikan dan mencegah kemungkaran serta sabar dengan kesusahan yang menimpa kerana kepada Allah tempat kembali dan segala perbuatan akan diberi balasan kelak.

Bil	Nombor Ayat	Isi Kandungan
3	Ayat 14-15	Luqman mengajak anaknya berfikir tentang pengorbanan kedua ibu bapa dengan mentaati selagi mereka di jalan yang benar dan menjaga kebajikan mereka apabila telah tua. Anak juga seharusnya bersyukur kerana ibu bapa merupakan asbab kewujudannya di dunia
4	Ayat 16	Luqman yang menceritakan tentang segala perbuatan manusia akan dihitung dan diberi ganjaran pahala atau balasan dosa secara adil dan mengikut perhitungan Allah. Konsep pendidikan melalui hukuman dan ganjaran dapat membentuk keperibadian mulia setiap manusia.
5	Ayat 17	Luqman menyuruh anaknya melakukan solat kerana dengan solat dapat mencegah kemungkaran dan mendidik manusia lebih bersabar dan tabah dalam menghadapi ujian dan apa sahaja yang menimpa. Maka dengan solat, anak lebih terkawal dan pengawasan ibu bapa menjadi minima.
6	Ayat 18-19	Luqman berpesan jangan sombong, takbur dan bangga diri dan memandang rendah pada orang lain kerana sifat tersebut tidak disukai Allah. Bersemukalah dengan setiap orang dengan wajah berseri dan penuh rendah hati dan tidak bersuara dengan kuat seperti teriakan keldai tetapi melunakkan suara. Berkejar-kejarlah dalam melakukan kebaikan dan juga dalam memberi manfaat dan kebaikan kepada orang lain

Luqman mempraktikkan komunikasi berkesan kepada anak-anaknya. Ini terbukti dengan terdapatnya unsur nasihat dan bimbingan yang dapat direalisasikan melalui komunikasi iaitu panggilan manja dan lunak kepada anak apabila mahu memulakan perbualan atau memberi nasihat. Sebagaimana Luqman telah memanggil anaknya dengan panggilan '*ya bunayya*' (يَا بُنَيَّ) yang bermaksud anak kesayangan sebanyak 3 kali iaitu pada ayat 13, 16 dan 17 bagi menarik perhatian anak. Luqman memilih panggilan yang sesuai dan indah untuk anaknya supaya anak dapat merasai kasih sayang secara lisan, menyebabkan komunikasi menjadi lebih berkesan (Khairul Azhar Meerangani, 2017). Selain itu, Luqman juga menggunakan pendekatan menasihati secara lembut dan berhemah serta menggunakan bahasa indah supaya anak mudah menerima nasihat dan bimbingan (Safinah Ismail, 2018). Jelas di sini Luqman mengamalkan komunikasi berkesan dalam mendidik anaknya berdasarkan ilmu dari Allah.

Selari dengan kisah dalam surah Luqman, Abdurrahman an-Nahlawi (2004) merumuskan beberapa strategi yang boleh dipraktikkan dalam menerapkan ilmu pengetahuan dan nilai kepada anak-anak supaya menjadi sifat dan karakter dalam diri. Di antara strategi yang diutarakan ialah mendidik melalui dialog dan kisah dalam Quran dan Hadis, mendidik melalui keteladanan, perumpamaan, praktikal atau perbuatan, melalui *ibrah* dan *mau'idzah* serta *targhib* dan *tahrib*. Abdul Munip (2009) menyokong model ini dan menyatakan bahawa model an-Nahlawi tersebut sejajar dengan pendidikan holistik berdasarkan kaedah '*knowing the good, feeling the good dan acting the good*'. Kaedah ini bermula dengan mengetahui tentang kebaikan yang melibatkan pengetahuan kognitif, setelah itu merasai dan mencintai kebaikan dan seterusnya membuat tindakan dengan melakukan kebaikan. Seseorang yang melakukan kebaikan kerana dia suka dengan kebaikan tersebut dan setelah terbiasa melakukannya maka akan berubah menjadi kebiasaan dan tabiat dalam kehidupannya.

Kesimpulannya Islam menekankan pendidikan sebagai salah satu elemen dalam proses sosialisasi untuk mengasuh, mendidik, melatih, mengawal hawa nafsu, menyucikan hati, membentuk sikap terpuji dan beradab, meninggalkan sifat tercela dan juga taat kepada perintah Allah. Maka sosialisasi awal kanak-kanak perlulah bermula dengan proses pendidikan Islam terlebih dahulu dengan melihat fitrah dan tabii tujuan penciptaan manusia. Maka pendidikan dalam Islam ialah suatu proses latihan akal, rohani, jasmani, akhlak dan

kemasyarakatan (*ijtimiah*). Sekaligus dapat membentuk generasi seimbang dari semua segi aspek kehidupan termasuklah kerohanian serta hubungan dengan Allah dan sesama manusia.

7. Sosialisasi Pendidikan Kekeluargaan Islam Dalam Keluarga Kontemporari

7.1 Pengaruh Globalisasi dan Media Massa

Globalisasi menyumbang kepada perubahan nilai dalam masyarakat Islam. Pengaruh budaya Barat seperti kebebasan mutlak, liberalisme, dan hedonisme tersebar melalui media sosial, filem, muzik dan permainan video. Lalu ia mewujudkan pergeseran nilai dalam masyarakat; nilai keluarga dan agama sering tertolak demi gaya hidup materialistik dan individualistik. Keluarga tunggal, perceraian dan struktur keluarga yang berubah juga mengurangkan kestabilan emosi yang diperlukan dalam sosialisasi kanak-kanak. Kanak-kanak dan remaja mudah meniru gaya hidup luar yang sering menampilkan unsur kebebasan tanpa batas, pemikiran individualistik dan sekular, yang bertentangan dengan nilai kekeluargaan Islam. Situasi ini melemahkan autoriti ibu bapa sebagai pendidik utama dalam keluarga kerana anak-anak lebih cenderung meniru idola dalam media berbanding ibu bapa.

Kajian oleh Zaimah et al. (2021) menegaskan bahawa media digital memberi kesan besar terhadap perubahan tingkah laku remaja dan menjadi saluran sosialisasi alternatif selain keluarga. Tekanan globalisasi dan hedonisma dalam media massa dan teknologi juga melahirkan cabaran baru seperti paparan gejala sosial seperti vandalisme, penyalahgunaan dadah, seks bebas dan budaya gangsterisme semakin meluas di kalangan remaja. Persekitaran siber seperti media sosial dan permainan video yang tidak terkawal turut membentuk nilai dan tingkah laku negatif tanpa disedari oleh ibu bapa.

Oleh yang demikian, pentingnya ibu bapa dan keluarga mengambil langkah pencegahan dan penyelesaian. Antaranya seperti penanaman nilai tauhid dan akidah yang kukuh sejak kecil. Anak-anak perlu dididik agar mempunyai kepercayaan yang utuh kepada Allah. Pendidikan ini bermula di rumah melalui pembacaan al-Quran, penerapan nilai ibadah harian dan penceritaan kisah para nabi sebagai alternatif kepada hiburan melalaikan sebagaimana dalam surah Luqman ayat 13 hingga 17. Selain itu, pemantauan dan penapisan media digital iaitu ibu bapa berperanan sebagai *murabbi* yang mengawal pendedahan anak terhadap media sosial dan kandungan hiburan. Islam menggalakkan wasatiyyah (keseimbangan) iaitu mengimbangkan hiburan dan nilai moral. Maka penggunaan teknologi perlu dipandu oleh adab dan akhlak Islami (Zaimah et al., 2021 & Kurniawan, & Taufik, 2023).

Model keteladan yang baik dari ibu bapa turut memainkan peranan penting dengan menekankan konsep *qudwah hasanah* atau keteladanan dengan menunjukkam akhlak dan adab Islami dalam kehidupan seharian (Zaimah et al., 2021 & Kurniawan & Taufik, 2023). Ini penting kerana anak meniru sikap dan gaya hidup ibu bapa lebih dari arahan lisan semata-mata sepertimana yang dianjurkan dalam hadis:

“Setiap anak dilahirkan atas fitrah, maka ibu bapalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.”

[Riwayat al-Bukhari no 1385 dan Muslim no 2658]

7.2 Kelemahan Institusi Kekeluargaan

Fungsi utama keluarga sebagai institusi pendidikan pertama terjejas akibat perpecahan rumah tangga, kekurangan ilmu keibubapaan, dan persekitaran sosial yang mencabar. Ramai ibu

bapa hari ini gagal memainkan peranan sebagai pendidik rohani dan akhlak anak-anak, sebaliknya menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab tersebut kepada sekolah. Ini mengakibatkan ketidakseimbangan antara pendidikan formal dan informal, serta jurang nilai antara rumah dan sekolah. Di tambah lagi dengan pemikiran terkini ibu bapa iaitu anak yang meningkat dewasa tidak perlu dikawal sepenuhnya kerana takut akan memberontak, namun isu seperti anomie (kekosongan nilai), subkultur remaja dan konflik kepercayaan agama menjadi semakin parah. (Zaimah et al.,2021). Institusi kekeluargaan yang lemah inilah yang menyebabkan anak-anak tidak mendapat sokongan emosi dan nilai-nilai agama yang konsisten, sekali gus memberi kesan terhadap pembentukan personaliti mereka. Tambahan pula, kurangnya kefahaman agama dalam kalangan ibu bapa menyukarkan mereka menanam nilai moral, sekali gus mewujudkan jurang nilai antara rumah dan sekolah atau masyarakat (Basir, 2019).

Oleh itu, pentingnya pemeraksanaan ilmu keibubapaan iaitu dengan menuntut ilmu agama dan tahu tentang tanggungjawab mendidik anak-anak, bukan sahaja secara fizikal dan akademik, tetapi juga dari sudut spiritual dan akhlak berdasarkan ajaran Islam. Islam sangat menekankan ilmu sebagai asas amal, sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Terjemahan : "Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka..." (Q.S. Al-Tahrim, 66:6)

Selain itu, keluarga seharusnya berperanan sebagai madrasah utama yang mana institusi keluarga perlu kembali berfungsi sebagai tempat awal pendidikan akhlak, ibadah dan jati diri anak-anak, bukan sekadar tempat tinggal tetapi rumah menjadi ruang utama untuk pembentukan akhlak, tauhid dan adab Basir, 2019 & Lubis, & Ritonga, 2023). Ibu bapa seharusnya menerapkan komunikasi berkesan dalam keluarga dengan mencontohi komunikasi Luqman al-Hakim dengan anaknya sepertimana dalam surah Luqman ayat 13 hingga 19 yang menggunakan pendekatan penuh kasih sayang (*ya bunayya*) dan hikmah untuk memperkuatkan hubungan anak dan ibu bapa.

7.3 Cabaran Ekonomi dan Sosial

Tekanan ekonomi seperti pendapatan isi rumah yang rendah, kos sara hidup yang tinggi serta ibu bapa yang terpaksa bekerja lebih masa mengurangkan masa interaksi bersama anak-anak. Kurangnya perhatian dan masa berkualiti menyebabkan proses sosialisasi tidak berjalan secara optimum. Anak-anak cenderung mencari pengaruh luar seperti rakan sebaya, media sosial, dan laman web yang tidak dikawal. Hal ini menjejaskan penerapan nilai Islam yang sewajarnya dalam rumah tangga. Keluarga dari golongan B40 juga sering mengalami kekangan untuk menyediakan keperluan pendidikan asas yang baik, termasuk pendidikan agama (Musliha Salma, Rohana & Amimudin, 2011). Situasi pekerjaan ibu bapa yang sibuk menyebabkan masa bersama anak berkurang, sekaligus mengurangkan kawalan dan pengawasan langsung; keadaan ini memperkuat kebergantungan remaja kepada rakan sebaya dan media sebagai sumber sosialisasi alternatif. Dalam menghadapi cabaran ekonomi, Islam menekankan sumber rezeki yang halal agar mendapat keberkatan dunia akhirat, sebagaimana firman Allah Taala:

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا

Terjemahan : "Maka makanlah daripada rezeki yang halal lagi baik..." (Q.S. Al-Nahl, 16:114)

Rezeki halal akan mempengaruhi keberkatan dalam pendidikan anak-anak, membentuk keperibadian anak yang baik serta memberi ketenangan jiwa kepada ibu bapa.

Ibu bapa juga seharusnya mengoptimalkan masa berkualiti bersama anak-anak dengan memperuntukkan masa untuk aktiviti keluarga walaupun dalam kesibukan. Tempoh masa anak-anak membesar adalah waktu yang paling berharga dan menjadi memori yang indah buat anak-anak sekiranya keluarga dapat sama-sama solat berjemaah, mendengar tazkirah ringkas atau makan dan beriadah bersama.

Dalam pembinaan sosial, masyarakat perlu saling membantu dengan menerapkan konsep ukhuwah Islamiah dan *takafur* dalam membangunkan kesedaran sosial dalam masyarakat. Ia bertindak sebagai jarigan sokongan komuniti untuk membantu keluarga yang memerlukan dan tidak ditinggalkan sendirian dalam menghadapi tekanan hidup. Bantuan dari segi pendidikan dan kelas agama percuma, sumbangan zakat dan sokongan emosi dapat membantu mereka secara tidak langsung. (Musliha Salma, Rohana & Amimudin, 2011, & Nur & Shofwan, 2022).

7.4 Kekurangan Sokongan Komuniti dan Institusi Agama

Dalam era moden, institusi masjid, pusat komuniti Islam dan sekolah agama semakin kurang memainkan peranan aktif dalam menyokong keluarga Muslim. Masalah sosial dan kelesuan sistem sokongan seperti komuniti dan sekolah agama. Ia mengakibatkan sesetengah keluarga tidak mendapat panduan atau bantuan yang mencukupi untuk mendidik anak. Kekurangan program berstruktur yang bersifat holistik, tidak mesra keluarga atau hanya tertumpu pada pengajaran akademik menjadikan proses sosialisasi nilai Islam tidak menyeluruh. Ketiadaan sistem sokongan dari komuniti juga menyulitkan ibu bapa yang memerlukan panduan dalam mendidik anak-anak. Pendidikan kekeluargaan Islam haruslah disokong oleh sistem sokongan luar yang kuat untuk memastikan kesinambungan nilai Islam di luar rumah. Kesemua faktor ini memerlukan penangan holistik bagi memastikan anak-anak berkembang secara seimbang, ibu bapa perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan sokongan dari persekitaran yang positif (Basir, 2019 & Shoti, 2021).

Maka, peranan masjid dan surau perlu diperkukuhkan, masjid bukan hanya tempat solat bahkan menjadi pusat pendidikan komuniti Islam, kaunseling keluarga, dan pembangunan komuniti sebagaimana di zaman Rasulullah SAW. Ibu bapa juga perlu berganding bahu dan bekerjasama dengan sekolah agama dan NGO Islam untuk program sokongan pendidikan anak, seperti *usrah*, kelas fardhu ain, bengkel keibubapaan Islam dan sesi motivasi keagamaan untuk merealisasikan pembinaan keluarga Muslim. Secara tidak langsung, sistem sokongan masyarakat Islamik dapat dibangunkan dengan berkonsepkan sistem komuniti Islam secara berstruktur dengan mengadakan program yang mendidik nilai Islam dalam konteks semasa. Usaha ini demi menyokong ibu bapa dalam mendidik anak berteraskan ketauhidan kepada Allah, dan bukan hanya tertumpu kepada pendidikan akademik semata (Shoti, 2021 & Hakim & Munawwar, 2022).

8. Kesimpulan

Sosialisasi pendidikan kekeluargaan Islam merupakan proses yang sangat penting dalam pembentukan sahsiah dan identiti anak-anak sejak dari awal kehidupan. Keluarga adalah institusi pendidikan pertama dan utama dalam kehidupan individu, yang mana nilai akidah, akhlak, tanggungjawab, dan kasih sayang mula disemai. Islam bukan sahaja melihat pendidikan keluarga sebagai satu proses kognitif, tetapi juga sebagai usaha yang bersifat holistik, merangkumi dimensi rohani, emosi dan sosial. Perbandingan antara pendekatan Islam dan teori sosiologi moden menunjukkan bahawa kedua-duanya mengiktiraf keluarga sebagai agen sosialisasi utama, namun Islam menggariskan kepentingan elemen ketuhanan, nilai moral dan fitrah sebagai teras pendidikan. Penggunaan kisah dari al-Quran, terutamanya

nasihat Luqman al-Hakim, menunjukkan bagaimana pendidikan melalui komunikasi berkesan dan keteladanan membentuk peribadi anak-anak.

Namun, proses ini tidak terlepas daripada pelbagai cabaran semasa, termasuk pengaruh globalisasi, perubahan struktur keluarga, tekanan ekonomi serta kelesuan sistem sokongan komuniti. Justeru itu, pendidikan kekeluargaan Islam memerlukan pendekatan yang strategik, bersepadu dan berasaskan nilai agama yang kukuh agar dapat melahirkan generasi yang seimbang, berakhlak dan bertanggungjawab dalam menghadapi cabaran masa kini dan akan datang. Akhirnya, untuk memastikan keberkesanan sosialisasi dalam keluarga Islam, semua pihak termasuk ibu bapa, masyarakat dan institusi agama harus memainkan peranan masing-masing secara aktif dan berterusan. Hanya dengan usaha kolektif dan kesedaran bersama, kita dapat melahirkan generasi yang bukan sahaja berjaya di dunia tetapi juga di akhirat. Pendekatan Islam terhadap cabaran sosialisasi keluarga bukan hanya menyelesaikan simptom, tetapi mementingkan pendidikan rohani, keutuhan institusi keluarga dan peranan komuniti. Dengan kembali kepada nilai al-Quran dan sunah serta menghidupkan fungsi keluarga sebagai madrasah, umat Islam dapat melahirkan generasi beriman yang mampu menghadapi arus zaman moden.

Rujukan

- Abdul Munip. (2009). *Strategi pendidikan Islam dalam keluarga muslim*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Abdurrahman an-Nahlawi. (2004). *Pendidikan Islam di rumah, sekolah dan masyarakat* (Terj.). Jakarta: Gema Insani Press.
- Azizi, Y. (2017). *Psikologi keluarga: Pendidikan dan perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azyumardi Azra. (1999). *Pendidikan Islam: Tradisi dan modernisasi menuju milenium baru*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Basir, A. (2019). Penguatan institusi keluarga Islam dalam pendidikan akhlak remaja. *Jurnal Pendidikan Islam*, 5(1), 80–91.
- Dwiyanti, R. (2013). Perkembangan moral anak menurut Lawrence Kohlberg dan implikasinya dalam pendidikan Islam. *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 13(2), 45–62.
- Hakim, A., & Munawwar, A. (2022). Revitalisasi fungsi masjid sebagai pusat pendidikan keluarga Islam. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi Islam*, 8(1), 19–34.
- Ja'afar Al-Yasin. (1983). *Pendidikan anak dalam Islam menurut al-Ghazali*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Khairul Azhar Meerangani. (2017). Komunikasi dalam pendidikan Islam: Analisis gaya komunikasi Luqman al-Hakim. *Jurnal Komunikasi Islam*, 7(1), 15–26.
- Kohlberg, L. (1984). *The psychology of moral development*. New York: Harper & Row.
- Kurniawan, B., & Taufik, R. (2023). Strategi pendidikan karakter anak melalui media digital dalam keluarga Muslim. *Jurnal Pendidikan Islam Global*, 6(1), 12–27.
- Lawrence Kohlberg. (1984). *The psychology of moral development*. New York: Harper & Row.
- Lubis, M. A., & Ritonga, M. (2023). Konsep pendidikan Islam dalam pembentukan karakter anak. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 8(2), 23–37.
- Maccoby, E. E., & Martin, J. A. (1993). Socialization in the context of the family: Parent-child interaction. Dalam P. H. Mussen (Ed.), *Handbook of child psychology* (Vol. 4, hlm. 1–101). New York: Wiley.
- Macionis, J. J. (2012). *Sociology* (14th ed.). New Jersey: Pearson Education.
- Muhammad bin Ali. (1993). *Tafsir surah Luqman*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Musliha Salma, M., Rohana, H., & Amimudin, H. (2011). Sosialisasi nilai Islam dalam keluarga berpendapatan rendah: Cabaran dan penyelesaian. *Jurnal Sosio-Islam*, 3(2), 22–35.
- Nur, H. A., & Shofwan, A. (2022). Peranan ekonomi keluarga dalam pembentukan karakter anak: Kajian perspektif Islam. *Jurnal Ekonomi Islam*, 11(1), 41–56.
- Parsons, T. (1955). *Family, socialization and interaction process*. Glencoe: The Free Press.
- Ramayulis. (2002). *Ilmu pendidikan Islam*. Jakarta: Kalam Mulia.
- Rezki Perdani Sawai, M. H., et al. (2009). Asuhan nilai Islam dalam keluarga: Satu pendekatan integratif. *Jurnal Pengajian Islam*, 5(1), 33–47.
- Rustina, R. (2014). Dinamika keluarga dan pembentukan kepribadian anak. *Jurnal Ilmu Keluarga*, 6(1), 17–29.
- Saedah Siraj. (2007). *Pendidikan prasekolah dan perkembangan anak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

- Safinah Ismail. (2018). Gaya komunikasi keibubapaan dalam pendidikan anak-anak: Kajian terhadap pendekatan Luqman al-Hakim. *Jurnal Dakwah & Komunikasi Islam*, 12(2), 55–67.
- Shoti, M. (2021). Pendidikan keluarga dalam perspektif Islam: Keperluan pendekatan sistem sokongan masyarakat. *Jurnal Fiqh & Sosial*, 10(1), 15–29.
- Syeikh Khalid bin Abdul Rahman Al-'Ik. (2014). *Tarbiyatul aulad fi al-islam*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Wahyuni, S., & Fitriani, A. (2022). Teori pembelajaran sosial Bandura dalam perspektif pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(1), 65–78.
- Zaimah, R., Zaleha, H., Nurul, F. A., & Shahrul, A. A. (2021). Keluarga Islam dan cabaran semasa dalam era globalisasi. *Jurnal Keluarga & Masyarakat*, 29(2), 45–60.
- Zulkifli, M., & Ismail, A. (2019). Fungsi keluarga dalam pendidikan Islam anak-anak. *Jurnal Pendidikan dan Masyarakat*, 7(3), 28–40.